




# **MANUAL KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK ;  
SUDAHKAH KITA  
MERDEKA**



Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "SUDAHKAH KITA MERDEKA".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ : يُقَلِّبُ اللَّهُ الْيَلَ وَالنَّهَارَ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَعِبْرَةً لَا يُوْلَى

2

الْأَبْصَرِ  
٤٤

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

3

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ

5

إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ  
١٦

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberi kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat.

6

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "**SUDAHKAH KITA MERDEKA**".



Tanggal 31 Ogos 2024 seharusnya menyedarkan kita semua bahawa Malaysia telah menjangkau umur 67 tahun menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Kemerdekaan bukan sekadar retorik pengisahan sejarah semata-mata atau sekadar catatan peringatan agar semua tidak lupa daripada menyambutnya. Lihatberapa banyak negara yang mencapai kemerdekaan secara fizikal tetapi masih dijajah secara bukan fizikal. Bahkan kepesatan sains teknologi masa kini memungkinkan penjajahan dalam bentuk baharu terutamanya dalam bentuk minda, jiwa dan budaya. Negara sudah 67 tahun merdeka namun pemikiran, budaya dan gaya hidup penjajah masih kuat mencengkam setiap aspek bernegara sama ada dalam aspek politik, sosial dan ekonomi.

7

Islam menjelaskan maksud kemerdekaan bukan sahaja dalam aspek fizikal semata-mata sebaliknya merangkumi aspek mental, fizikal dan spiritual. Islam memerdekaan manusia daripada perhambaan sesama manusia. Islam memerdekaan manusia daripada belenggu dunia yang sempit lagi fana. Islam memerdekaan manusia daripada kezaliman sistem-sistem perundangan ciptaan manusia.

8

الْبِدَايَةُ وَالنِّهَايَةُ  
Imam Ibnu Kathir merekodkan dalam al-Bidayah wa al-Nihayah bahawa Rib'i bin Amir Radhiallahuanhu ketika bertemu Rustam, seorang panglima Parsi yang bertanyakan: "Siapakah kamu?". Katanya:

9

نَحْنُ قَوْمٌ أَبْتَعَثَنَا اللَّهُ لِنُخْرِجَ مَنْ شَاءَ مِنْ عِبَادَةِ الْعِبَادِ إِلَى عِبَادَةِ اللَّهِ  
وَحْدَهُ، وَمَنْ ضِيقَ الدُّنْيَا إِلَى سِعَةِ الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ، وَمَنْ جَوَرَ الْأَدْيَانِ إِلَى  
عَدْلِ الْإِسْلَامِ



"Kami adalah kaum yang diutuskan Allah SWT untuk mengeluarkan sesiapa yang berkehendak daripada penyembahan terhadap hamba kepada Tuhan Yang Esa, dan mengeluarkan manusia daripada kesempitan dunia kepada keluasan dunia dan akhirat serta mengeluarkan mereka dari kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam.".

10

Manusia yang merdeka ialah mukmin muwahid iaitu orang yang mengesakan Allah SWT dan tidak menyekutukan-Nya. Mukmin muwahid adalah manusia merdeka yang bebas daripada belenggu perhambaan sesama makhluk. Kemerdekaan di sisi Islam ialah kebebasan atau pelepasan diri daripada segala belenggu dunia yang mengikat diri makhluk yang dicipta kepada ketundukan terhadap Khalik Yang Maha Esa. Hanya dengan ajaran serta amalan agama yang benar manusia dapat dimerdekakan daripada kejahilan, kegelapan dan kezaliman.

11

Firman Allah SWT dalam surah al-Ma'idah ayat 16:

يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ وَسُبْلَ السَّلَامِ وَيُخْرِجُهُمْ مِّنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ يَأْذِنُهُ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٦﴾

12

"Dengan (Al-Quran) itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaan-Nya, dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka dari gelap-gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang, dengan izin-Nya; dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus..".

13



Mukmin muwahid dengan kemurnian akidahnya pasti selamat daripada ancaman fahaman kufur pluralisme, liberalisme dan sekularisme. Mukmin muwahid adalah manusia merdeka yang memiliki jati diri sebenar iaitu seorang yang patuh terhadap suruhan serta larangan Tuhan-Nya. Hakikat yang perlu disedari bahawa di dunia ini tiada kebebasan mutlak tetapi memerlukan kepada bentuk-bentuk peraturan, undang-undang atau tatakelola yang dapat mengaturnya. Hanya tatakelola Maha Pencipta sahaja yang dapat mengatur segala urusan manusia dengan sebaiknya. Melalui wasiat Baginda SAW, kita mendapat jaminan tidak akan sesat selama mana berpegang dengan al-Quran dan sunah Rasul-Nya.

14

Muslim dengan jati diri sebenar pasti menolak prilaku cemar tidak bermaruah dan kehidupan jijik yang tidak bermoral seperti pengamalan rasuah, penyalahgunaan kuasa, penipuan, penindasan, menghasut demi kepentingan peribadi dan sebagainya. Muslim dengan jati diri sebenar pasti selamat daripada pengaruh budaya yang mempamerkan penampilan, pakaian, pergaulan, hiburan dan lain-lain yang menyalahi syariat Islam.

15

Manusia yang merdeka melahirkan negara yang merdeka, negara yang utuh dan teguh. Keutuhan sebuah negara adalah berdasarkan keimanan, jati diri dan perpaduan rakyatnya. Islam sebagai agama yang benar telah menyediakan pelbagai tatakelola dalam membentuk individu merdeka dalam masyarakat dan negara. Setiap Muslim sesama Muslim adalah bersaudara yang perlu saling kukuh memperkuuh antara satu dengan yang lain. Setiap manusia walau berlainan jantina, ras dan bangsa perlu saling mengenali untuk mewujudkan keserasian serta masyarakat yang harmoni. Keutuhan dan keteguhan negara merdeka penting dalam mengekalkan kesejahteraan seterusnya kemajuan negara.

16



Kemerdekaan yang dinikmati hari ini merupakan hasil perjuangan negarawan, ilmuwan dan pahlawan yang berjiwa merdeka dan berjasa kepada negara yang sanggup bergadai nyawa menentang penjajah demi kemerdekaan. Perjuangan, kepayahan serta keperitan yang dialami generasi terdahulu perlu dihayati sebaiknya agar ianya dapat dihargai dan disyukuri generasi masa kini. Sesungguhnya, semangat cintakan negara merdeka merupakan satu tuntutan Islam.

17

Hadis yang diriwayatkan daripada Ibn Abbas RadhiAllahuAnhu bahawa Rasulullah SAW telah menzahirkan sifat patriotik dan jiwa merdeka baginda dengan sabdanya:

18

مَا أَطْيَبَكِ مِنْ بَلَدٍ وَأَحَبَّكِ إِلَيَّ وَلَوْلَا أَنَّ قَوْمِي أَخْرَجُونِي مِنْكِ مَا سَكَنْتُ غَيْرَكِ

"Alangkah baiknya dirimu wahai Mekah dan betapa cintanya diriku terhadapmu, seandainya kaumku tidak mengeluarkanku darimu, nescaya aku tidak akan tinggal selain daripadamu.".

19

(Riwayat al-Tirmidzi).



Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran daripada khutbah ini untuk dijadikan panduan dalam hidup kita iaitu:

1. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa kemerdekaan merupakan anugerah Allah SWT yang seharusnya dipelihara dan dipertahankan kerana ianya diperolehi dengan rasa iman dan air mata.
2. Umat Islam hendaklah mengetahui bahawa Islam telah membebaskan akal dan jiwa manusia melalui konsep pengabdian kepada Allah SWT, ketaatan kepada rasul-Nya dan kepatuhan terhadap syariat-Nya.
3. Umat Islam hendaklah menghayati konsep 'Jiwa Merdeka' agar semangat patriotisme dapat disuburkan seterusnya mewujudkan penyatuan hati dalam kalangan warga demi kesejahteraan negara.

20

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذْ كُرُوا نَعْمَتُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ هُمْ قَوْمٌ أَنْ يَبْسُطُوا  
إِلَيْكُمْ أَيْدِيهِمْ فَكَفَ أَيْدِيهِمْ عَنْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَعَلَى اللَّهِ فَلِيَتَوَكَّلِ  
الْمُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾

21

"Wahai orang-orang yang beriman, kenanglah nikmat Allah (yang telah dikurniakan-Nya) kepada kamu ketika kaum (kafir yang memusuhi kamu) hendak menghulurkan tangannya (untuk menyerang kamu), lalu Allah menahan tangan mereka daripada (menyerang) kamu. Oleh itu, bertaqwalah kamu kepada Allah; dan kepada Allah jualah (sesudah bertaqwa itu) hendaklah orang-orang yang beriman berserah diri."

22

(Surah Al-Ma'idah: 11)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِيَ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَقْوُنَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ。
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ بِالدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ。
	اللَّهُمَّ اصْلِحْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَّاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ



اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَيِّرَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ  
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظْ بِعَيْنِ عَنَائِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَيَحْفَظِ  
وِقَائِتَكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،

7

جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ  
شَاهِ الحاجِ ابنِ المَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الحاجِ.

8

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ  
عَهْدِ سلاْغُورِ، تَعْكُو أَمِيرَ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ،

9

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ  
عُمْرَهُمَا مُضْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ  
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

10

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada  
ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas  
ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-  
Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan  
yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan  
malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan  
Masjid Al Aqsa di Palestin.

11



Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

12

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.

13

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٦﴾.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا

14

عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٦﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ

15

فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.